



## TEKS UCAPAN

**YB TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD**  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

**PROGRAM KENDURI RAKYAT  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
DAN KARNIVAL SUKAN WILAYAHKU**

**23 FEBRUARI 2020 (AHAD)**

**KOMPLEKS FUTSAL, PRESINT 18,  
WP PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis

*Senarai Salutasi akan diselaraskan  
kemudian*

Assalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh      dan      Salam      Sayangi  
Wilayahku

1.      Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama pada hari ini bersama-sama menyertai **Program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Karnival Sukan Wilayahku** sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020. Program

kenduri ini merupakan salah satu *signature* program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang sentiasa dekat di hati rakyat Putrajaya.

2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kerana dapat melapangkan masa untuk sama-sama hadir pada hari ini bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan kita pada tahun ini. Saya dapat melihat semangat yang cukup positif di wajah anda semua.

*Tuan-tuan dan puan-puan,*

3. Tahun 2020 merupakan kali ke-16 kita menyambut Hari Wilayah Persekutuan. Tema sambutan pada tahun masih dikekalkan sama seperti

tahun sebelumnya iaitu “Sayangi Wilayahku” yang dibekalkan seiring dengan usaha integrasi nasional dan kesejahteraan yang menjadi penggerak utama agenda negara. Saya yakin tema “Sayangi Wilayahku” ini akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan dalam kalangan lapisan masyarakat majmuk di samping menjadikan Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai sebuah bandar yang moden dan futuristik dengan persekitaran yang bersih, indah, kondusif dan sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warganya.

4. 29 program dilaksanakan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang telah bermula pada

19 Januari yang lalu dapat menambahkan lagi rasa sayang dan *sense of belonging* terhadap WP sekaligus melahirkan warga Wilayah Persekutuan yang aktif dan sihat. Semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat adalah sangat penting untuk kita menjayakan agenda nasional negara supaya kebersamaan dalam menjayakan sesuatu perkara. Janganlah kita berpecah belah hanya kerana kepentingan peribadi. Marilah kita sama-sama berganding bahu dan sepakat sebagai satu warga Wilayah Persekutuan samada dalam agenda pembangunan fizikal, sosial mahupun sukan dan lain-lain.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

5. Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan ini merupakan program yang dinanti-nanti pada setiap kali Sambutan Hari Wilayah Persekutuan baik di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan ataupun di Putrajaya. Penganjuran program ini sangat memberi impak positif dalam menyatukan dan mengharmonikan hubungan sesama rakyat. Program ini turut menjadi landasan kepada kerajaan untuk menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan komuniti. Pastinya program Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan ini menjadi salah satu elemen penting dalam

memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya dalam kalangan warga Putrajaya.

6. Penganjuran Karnival Sukan Wilayahku ini juga merupakan program yang dilihat sangat dekat dengan rakyat dan ia bertepatan dengan titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berharap agar program- program sukan di Wilayah Persekutuan terus diperkasakan kerana ia merupakan wadah terbaik dalam menyatukan dan menyihatkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Malah, baginda juga berharap agar program pembangunan sukan tidak dilupakan dan lebih ramai atlet daripada

Wilayah Persekutuan dapat dilahirkan untuk mengharumkan nama negara dipersada antarabangsa.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

7. Selaras dengan itu, pihak Kementerian dan MSWP telah mengambil inisiatif untuk memperuntukkan sebanyak RM299 Ribu kepada 71 persatuan sukan yang aktif di Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi memastikan tadbir urus persatuan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik sekali gus dapat sama-sama membantu melahirkan lebih banyak atlet berpotensi dari Wilayah Persekutuan. Persatuan-persatuan sukan khususnya di Putrajaya diseru agar menyokong dan membantu usaha Majlis Sukan Wilayah



Persekutuan memperkasa program pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

8. Fokus utama pihak kerajaan adalah untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan supaya dapat melahirkan masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara.

9. Manakala, Fokus Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 2020 ini, akan menjurus lebih kepada inisiatif **Memperkasa Miskin Bandar, Membina Wilayah Gemilang**. Pelan induk bagi menangani isu miskin bandar ini bakal dikeluarkan supaya nasib orang miskin atau lebih tepat lagi Orang Susah di Wilayah Persekutuan akan terbela.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

10. Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat bersejarah bagi Putrajaya. Bandar pentadbiran ini telah berkembang maju serta menjadi model pembangunan dan model pentadbiran bandar raya oleh negara-negara asing serata dunia. Pada tahun ini, Putrajaya akan menyambut Jubli Perak Putrajaya

bersempena 25 tahun penubuhannya iaitu dari 1995-2020. Dalam menjayakan sambutan yang gilang-gemilang ini, pelbagai acara dan program ikonik telah mula dilaksanakan sehingga penghujung tahun ini. Diharapkan program ini mendapat penglibatan daripada semua lapisan masyarakat Putrajaya.

11. Blueprint Putrajaya Bandar Pintar, menggariskan 7 domain dengan 93 inisiatif. Putrajaya Command Centre (PCC) yang dilengkapi dengan peralatan canggih seperti smart CCTV, sistem pemantauan dan *intelligent video analytics* merupakan nadi kepada PPj dan agensi-agensi keselamatan negara dalam memantau dan memastikan keselamatan di Putrajaya ditahap yang excellent. Bagi tujuan yang sama pada

tahun ini PPj akan memperluaskan lagi jaringan CCTV dengan penambahan sebanyak 200 unit dan penambahan 50 *panic button* bagi memastikan Putrajaya lebih selamat dan selesa.

12. Di samping itu, PPj akan memperluaskan jaringan *fiber optic* sepanjang 60 km sekitar Putrajaya bagi memudahkan capaian internet kepada penduduk di Putrajaya. Pada masa yang sama aplikasi Putrajaya Mobile sedang dinaik taraf ke ciri-ciri yang interaktif dan terkini. Pelaksanaan program-program *Smart Community* melalui Putrajaya Open Innovation atau POINT juga akan dipergiatkan dalam meningkatkan budaya inovasi di kalangan komuniti terutama kepada generasi muda khususnya.

*Para hadirin yang dihormati sekalian,*

13. Dalam era memperkasakan perkhidmatan agensi, PPj akan memperkenalkan pembantu maya portal bernama PUTRI, sebuah *chatbot* yang akan membantu pengguna memudahkan capaian terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan tanpa perlu hadir ke kaunter atau membuat pertanyaan melalui telefon. Perbadanan Putrajaya merupakan agensi kerajaan pertama melaksanakan inovasi ini.

14. Putrajaya juga tidak akan tertinggal dengan isu kebajikan. Di bawah Program Wilayah Peduli, pada hari ini hadirin semua bakal menyaksikan Program Penyerahan Van

Wilayah yang akan diserahkan kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Putrajaya Zon Putrajaya. Van Wilayah ini menjadi kemudahan pengangkutan kepada warga Wilayah Putrajaya bagi tujuan kebajikan seperti urusan ke hospital, kematian, aktiviti amal dan keperluan-keperluan lain.

15. Semoga sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 ini dapat memupuk rasa cinta dan sayang serta kesyukuran kepada Wilayah Persekutuan seiring dengan tema “Sayangi Wilayahku” sekaligus memajukan lagi Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan bersama.

Dengan

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM,**

Lafaz

saya

dengan ini merasmikan Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Karnival Sukan Wilayahku Tahun 2020.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamu'alaikum W.B.T